

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS MALAM WARTAWAN MALAYSIA 1996

TEMPAT: HOTEL ISTANA, KUALA LUMPUR

TARIKH: 21 OCT 1996

MASA:

1. Saya ucapkan terima kasih kepada Institut Akhbar Malaysia kerana menjemput saya hadir di Majlis Malam Wartawan 1996 pada malam ini. Kali terakhir saya hadir di Majlis Malam Wartawan ialah pada tahun 1990. Walaupun saya kerap ditemui oleh wartawan, saya gembira dapat bertemu dengan begitu ramai sekali wartawan Malaysia, termasuk boss-boss mereka, pada malam ini.

2. Dunia kewartawanan telah mengalami perubahan pesat dan kebanyakan perubahan ini telah memberi faedah kepada industri media tempatan. Penggunaan komputer menggantikan typewriter dan penghantaran berita dengan pantas melalui telefon yang di`connect' ke `personal computer' dan tidak lagi melalui telex atau fax adalah antara pembaharuan dalam industri media kita. Kini dengan kemunculan teknologi maklumat yang lebih canggih, termasuk Internet, peranan yang dimainkan oleh akhbar dan wartawan sudah pasti menjadi lebih mencabar. Sepertimana di masa yang lepas saya yakin akhbar tempatan akan terus berjaya membuat pengubahsuaian yang perlu bagi menghadapi cabaran-cabaran dalam era tekonologi maklumat ini.

3. Kita semua tahu bahawa akhbar mempunyai kuasa. Ungkapan bahawa `the pen is mightier than the sword' masih benar di zaman ini, bahkan lebih dari dahulu kerana dahulu ramai yang buta huruf dan tidak mudah dipengaruhi oleh apa yang ditulis. Tetapi hari ini maklumat dan pandangan melalui berbagai-bagai media menembusi setiap keluarga dan individu dengan lebih berkesan. Tiada siapa yang dapat membebaskan diri daripada apa yang ditulis dengan pen elektronik 24 jam sehari. Dengan itu, kuasa media sekarang adalah lebih besar dan lebih menyeluruh.

4. Sebagai sebuah demokrasi kita ingin mengamal kebebasan berucap dan kebebasan persuratkhabaran. Untuk ini kita perlu kepada masyarakat yang ideal, yang tahu mengawal diri, yang sentiasa mengamal yang ma'aruf dan menolak yang mungkar. Tetapi masyarakat yang ideal tidak terdapat di mana-mana dalam dunia.

Sebab itu semua masyarakat perlu kepada undang-undang yang sedikit sebanyak menyekat kebebasan anggotanya.

5. Tujuan undang-undang ialah supaya mereka yang melakukan sesuatu yang mengancam kestabilan masyarakat akan didera dengan hukum-hukum tertentu. Bermacam-macam hukuman dicipta oleh masyarakat manusia yang difikirkan setimpal dengan jenayah yang dilakukan. Ada yang ringan seperti amaran sahaja dan ada yang berat seperti hukuman bunuh. Tetapi masyarakat manusia tidak pernah bebas daripada jenayah kerana adanya undang-undang dan hukuman. Walaupun hukuman bunuh wujud bagi jenayah tertentu, masih ada juga anggota masyarakat yang akan melakukan jenayah yang jika didapati bersalah akan dikenakan hukuman ini.

6. Mungkin kita berkata bahawa hukuman-hukuman tertentu tidak berkesan kerana ia tidak menghentikan jenayah berkenaan daripada dilakukan juga oleh orang tertentu. Tetapi hukuman bukan sahaja diadakan sebagai `deterrent' untuk mengingatkan masyarakat supaya tidak melakukan jenayah berkenaan. Hukuman juga bertujuan mendera mereka yang melakukan jenayah. Justeru itu, sama ada hukuman berkesan atau tidak terhadap perlakuan jenayah oleh manusia, hukuman masih perlu dikenakan.

7. Masyarakat liberal di Barat amat berbangga dengan konsep-konsep dan prinsip-prinsip yang dipegang oleh mereka. Antara konsep ini ialah kebebasan atau `freedom'. Mereka begitu berbangga dengan kebebasan yang mereka amalkan sehingga mereka tidak nampak sekatan-sekatan dan pencabulan terhadap kebebasan yang mereka lakukan sendiri. Demikian semasa mereka mendakwa akan hak manusia untuk hidup bebas, mereka masih menakluk jajahan dan wilayah kaum bangsa lain yang mereka tidak memberi kebebasan. Demikian juga di negara mereka sendiri, selepas mereka mengharamkan simpanan hamba, mereka buat beberapa lama, masih secara langsung dan tidak langsung menafikan kebebasan rakyat mereka daripada keturunan hamba.

8. Hari ini mereka mendewa-dewakan kebebasan surat khabar mereka, tetapi ada tanda-tanda bahawa tiada siapa dalam masyarakat mereka senang hati dengan kebebasan ini. Sebabnya ialah surat khabar mereka kerap menyalahgunakan kebebasan ini untuk menjayakan perniagaan mereka. Sementara masyarakat Barat begitu mengawal barangan lain yang dijual dalam pasaran, sehingga jika tercacat sedikit pun maka pengeluar boleh disaman dan dikenakan hukuman yang berat, tetapi kecacatan laporan akhbar yang boleh menekan jiwa atau memburukkan nasib seseorang tidak dianggap salah.

9. Baru-baru ini akhbar menceritakan bagaimana seorang `princess' yang terkenal berkelakuan buruk semasa bersama dengan kawannya, lengkap dengan gambar-gambar. Siapa yang biasa menjadi mangsa tentu tahu bagaimana sakitnya laporan seperti ini kepada dirinya. Tetapi akhirnya didapati laporan itu tidak berasas. Tidak ada apa-apa yang dikenakan kepada akhbar berkenaan kerana walaupun perkara ini boleh dibawa ke mahkamah, proses perbicaraan terbuka akan lebih menekan mangsa daripada yang dituduh.

10. Hari ini kita terpaksa menghadapi kebebasan Internet. Sementara Internet amat berguna, umpamanya dengan kemudahan menyampaikan laporan dengan serta-merta, tetapi Internet juga boleh digunakan untuk menyebarkan tulisan dan gambar lucu kepada bukan sahaja orang dewasa tetapi juga kanak-kanak.

11. Orang yang kerdil dapat menggunakan Internet untuk melepaskan perasaan `frust' mereka dengan mencaci dan memaki-hamun atau memburuk-burukkan orang lain secara yang boleh merosakkan perhubungan baik di antara pihak-pihak tertentu.

12. Penapisan berita dalam negara tidak lagi berkesan kerana di zaman maklumat ini sempadan tidak menghalang penyebaran maklumat. Jika tidak dapat dibuat di dalam negeri, mereka menyebarkan dari luar negeri. Dengan itu media dalam negeri berasa terancam dan ingin mengawal kebebasan yang sama, iaitu supaya mereka boleh bersaing dengan berita dari luar. Apakah ini wajar?

13. Di kalangan pemikir liberal di Barat sudah timbul perasaan takut akan kesan `Information Technology'. Mereka juga sedar bahawa banyak penyalahgunaan boleh berlaku yang tetap akan membawa bencana kepada masyarakat manusia. Tetapi mereka ini bukan daripada kalangan pemilik media. Mereka terdiri daripada saintis-saintis dan ahli fikir.

14. Maklumat adalah penting dan perlu disebar secara meluas. Tetapi maklumat tidak selalunya benar. Ada maklumat yang sengaja dicipta dan disebar untuk tujuan tertentu, termasuk untuk merosakkan masyarakat tertentu. Di zaman perang senjata biasa boleh digunakan untuk memusnahkan musuh. Tetapi di waktu aman, senjata biasa tidak boleh digunakan. Di waktu aman senjata maklumat (misinformation) tidak kurang kesannya dalam menghancurkan musuh. Kita sedang melihat senjata ini digunakan dengan begitu meluas dengan perkembangan `Information Technology'.

15. Para wartawan negara kita sedar akan semua ini.

Walaupun pengaruh wartawan tempatan sudah dicairkan sedikit oleh pengaruh berita dari luar negara, namun peranan wartawan tempatan masih besar. Apakah mereka hanya akan mengikut arus dan sama-sama mengutamakan pendapatan daripada perusahaan surat khabar atau apakah mereka akan lebih mengutamakan kepentingan negara walaupun akan terjejas sedikit kelarisan berita mereka? -- sama-samalah kita renungkan.

16. Negara ini masih muda, masih rapuh. Kita perlu lebih berhati-hati. Keghairahan dengan kebebasan tetap akan membinasakan kita lebih daripada pembinasaan negara yang sudah dewasa.

17. Ramai juga daripada kita yang ghairah dengan aneka jenis kebebasan. Kita tidak nafi bahawa manusia harus bebas, tetapi semua kebebasan mesti ada hadnya. Sebab itu semua masyarakat manusia memerlukan undang-undang yang sudah tentu menghadkan kebebasan. Apakah kita di negara ini harus malu kerana undang-undang yang menyekat kebebasan diperlukan? Apakah kita harus malu kerana di negara kita kononnya tidak terdapat kebebasan persuratkhabaran? Apakah kita perlu `apologise' kepada orang lain sepanjang masa, kerana berasa tersalah? Tidakkah mungkin kita yang betul dan mereka yang salah?

18. Usaha sedang dibuat oleh kuasa-kuasa besar untuk menyamakan atau `standardise' segala-galanya. Kelainan dan perbezaan tidak akan dibenar oleh mereka. Dalam usaha ini mereka tidak segan-segan mengguna kuasa dan memaksa pihak lain untuk menerima `standard' yang mereka telah ciptakan. Penggunaan kekerasan ini dalam apa juga bentuk sebenarnya adalah penindasan, satu sekatan terhadap kebebasan yang mereka laungkan. Tetapi kita kadang-kadang tidak nampak hipokrisi dan `double-standard' mereka. Dan kita turut serta hanya kerana kepentingan tertentu kita secocok dengan kehendak mereka. Dengan itu kita menghalalkan kecurangan mereka.

19. Wartawan tentulah orang yang berfikir. Oleh itu mereka harus merenung perkara-perkara ini yang muncul di zaman maklumat. Pengaruh wartawan tempatan perlu diguna untuk kebaikan kita. Kuasa pen masih ada. Di zaman keamanan kuasa pen lebih besar daripada senjata perang. Jika kita ingin bangunan negara kita, jika kita ingin bersaing dengan negara-negara maju, kita harus tentukan sikap kita yang tersendiri dalam apa juga usaha kita, termasuklah sikap kita terhadap kebebasan persuratkhabaran.

20. Kita ingin melihat apakah kita mampu berbuat demikian.

21. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Institut Akhbar Malaysia kerana menjemput saya untuk menghadiri majlis makan malam ini.